

## KOMPETENSI GURU DALAM PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH

*Suriyati Baharin<sup>1</sup> & Suhaida Abdul Kadir<sup>2</sup>*

*<sup>1</sup>Kementerian Pendidikan Malaysia*

*<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### Abstrak

Pengurusan kewangan di sekolah rendah kerajaan merangkumi aspek perancangan penggunaan sumber kewangan, penerimaan sumber kewangan, perbelanjaan, perolehan dan pengurusan aset. Walaupun pentadbir sekolah dan kerani kewangan memainkan peranan utama dalam menguruskan kewangan sekolah, namun terdapat guru yang terlibat dalam aktiviti kewangan sekolah yang tertentu. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti kompetensi guru dalam pengurusan kewangan sekolah khususnya dalam aspek peruntukan bantuan perkapita geran ( PCG ), Panjar Wang Runcit ( PWR), pembelian barang / aset dan pengurusan barang / aset sekolah. Kaedah yang digunakan berbentuk tinjauan dan melibatkan 169 guru sekolah rendah di Seremban. Dapatan kajian menunjukkan kompetensi guru dalam pengurusan kewangan sekolah adalah pada tahap rendah. Memandangkan guru juga terlibat dalam beberapa aktiviti kewangan sekolah, dapatan kajian ini menunjukkan keperluan guru mengikuti latihan berkaitan dengan pengurusan kewangan.

Kata Kunci : Kompetensi, Pengurusan Wang Sekolah , PCG, Panjar Wang Runcit, Aset Sekolah.

### Pengenalan

Menurut kajian Jabatan Audit Negara 2008, banyak teguran audit telah dikeluarkan kepada pengurusan sekolah kerana gagal memastikan guru-guru yang terlibat dalam penggunaan wang kerajaan mengikuti tatacara pengurusan kewangan yang betul. Kegagalan guru untuk mematuhi tatacara pengurusan kewangan sekolah kerana secara amnya guru-guru hanya menerima arahan daripada guru besar untuk membelanjakan peruntukkan yang ada tanpa mengetahui tatacara pengurusan kewangan yang betul.

Adalah penting bagi guru mempunyai kompetensi dalam pengurusan kewangan sekolah agar guru dapat meningkatkan tahap profesionalisma bersesuaian dengan anjakan 11 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Menurut kajian Kumaran (2008) keberkesanan atau kelemahan dalam pengurusan kewangan memberi kesan kepada pencapaian akademik sekolah tersebut. Guru yang kompeten dalam pengurusan kewangan sekolah akan membantu mengurangkan kesilapan dalam pengurusan kewangan sekolah dan menjadikan sekolah cemerlang dalam pelbagai aspek. Tan Sri Dato'Hj Amrin b Buang (2005) menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan akan dapat ditingkatkan dan pada masa yang sama dapat mengurangkan teguran audit serta ketidakpatuhan kepada peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Mengikut kajian A'sdi ( 2006) pengurusan kewangan sekolah ditakrifkan sebagai pihak pengurus sekolah terlibat dalam merancang, mengurus, memimpin dan mengawal pengurusan kewangan sekolah secara cekap, amanah, telus dan berkesan serta mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan. Manakala bantuan Wang Kerajaan Perkapita ( PCG ) merupakan satu bantuan kewangan dibawah peruntukkan belanja mengurus Kementerian Pelajaran kepada setiap murid sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Pemberian peruntukkan ini merangkumi PCG prasekolah, PCG matapelajaran, PCG bukan matapelajaran.

PWR adalah sejumlah wang yang membolehkan pengurusan sekolah membuat pembayaran kecil dengan segera dan perbelanjaan runcit tanpa mempertanggung terlebih dahulu kepada butiran perbelanjaan. Ia juga boleh digunakan bagi memberi pendahuluan wang tunai segera kepada guru-guru yang memerlukan untuk membayar perbelanjaan aktiviti sekolah. Segala tuntutan PWR memerlukan resit. Semua pembelian yang menggunakan peruntukan wang kerajaan hendaklah dibuat dengan menggunakan Pesanan Sekolah (DKS 005) kecuali pembelian menggunakan PWR. Barang yang dibeli dengan menggunakan peruntukan PCG serta PWR perlu diurus dengan sempurna berpandukan Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah. Guru yang diberi tanggungjawab terhadap pengurusan barang sekolah perlu melengkapkan borang-borang yang diwajibkan seperti borang inventori dan borang harta modal.

Menurut Siti Rahayah Ariffin (2006) dalam Mahadi (2006) menjelaskan kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi dan perlakuan yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Kompetensi merupakan panduan halatuju melakukan sesuatu tugas. Dengan menyenaraikan kompetensi, seseorang itu akan mendapat gambaran tingkahlaku yang diharapkan membolehkan individu membuat persediaan awal apabila menjalankan tugas. Dalam kajian ini, kompetensi guru merujuk kepada aspek kemahiran pengurusan peruntukan PCG, panjar wang runcir, pembelian barang / aset sekolah dan pengurusan barang / aset sekolah dalam pengurusan kewangan sekolah.

### Sorotan Literatur

Kajian Abu Marwan (2010) menyatakan kompetensi lahir daripada idea McClland (1973), seorang pakar psikologi Universiti Harvard. McClland mendapati pencapaian akademik dan pengetahuan tidak menggambarkan prestasi kerja sebenar pegawai. Sebaliknya, kompetensi pegawai adalah elemen mampan yang wajar digunapakai untuk meramalkan prestasi sebenar daya saing sumber tenaga insan. Menurut Usman (2005) dalam Kunandar (2007), kompetensi adalah suatu hal yang menggambarkan kualifikasi atau kemampuan seseorang, baik yang kualitatif mahupun yang kuantitatif. Model Iceberg adalah sebuah model yang memperlihatkan kompetensi yang dikaji. Model ini dibina oleh Spencer and Spencer pada tahun 1993. Secara lanjut Model Iceberg menjelaskan ada dua kompetensi, iaitu yang mudah dilihat dan yang terselindung. Kompetensi yang mudah dilihat seperti pengetahuan dan kemahiran adalah kompetensi teknikal yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu tugas. Pengkaji berpendapat kemahiran guru dalam aspek PCG, panjar wang runcir, pembelian barang/aset, pengurusan barang/aset yang dikaji merupakan kompetensi nampak yang diutarakan dalam Model Iceberg. Sebagai contoh, guru perlu ada kemahiran apabila mengurus kewangan sekolah bagi membina keupayaan dan potensi serta mampu bertindak mengikut tatacara kewangan yang dibenarkan undang-undang. Menurut Spencer & Spencer (1993) "Kecekapan adalah satu ciri asas individu yang lazimnya berkaitan dengan prestasi kriteria- dirujuk berkesan serta unggul dalam pekerjaan atau keadaan". Beliau telah membina model kompetensi Iceberg yang digunapakai dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan kompetensi dalam organisasi masing-masing. Oleh itu kompetensi boleh mendorong individu untuk bertindak secara efektif (Yusnita, 2003)

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menentukan :-

- i. Tahap kompetensi guru dalam pengurusan kewangan sekolah.
- ii. Kompetensi guru dalam pengurusan kewangan berdasarkan demografi

### Metodologi

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal-selidik. Yong Chooi Yean (2007) berpendapat bahawa penggunaan soal selidik adalah satu cara yang baik dalam kajian analisis disebabkan cara ini mampu memberi banyak maklumat. Reka bentuk kajian penggunaan soal selidik dipilih kerana secara umumnya ia digunakan untuk mengetahui tentang sikap, kepercayaan, nilai, demografi, pendapat, keinginan, idea dan lain-lain maklumat berkaitan dengan sekumpulan orang. Soal-selidik dibina berpandukan aktiviti kewangan yang berlaku di sekolah rendah dan peraturan kewangan yang digariskan dalam Tatacara Pengurusan Kewangan Sekolah dan Tatacara Pengurusan Aset Alih. Ujian kebolehpercayaan ditentukan menggunakan analisis 'Cronbach's Alpha'. Mohd Majid Konting (2000) berpendapat nilai yang melebihi aras 0.60 adalah dianggap sesuai untuk menjalankan kajian. Nilai alpha bagi kajian ini ialah .974.

Berdasarkan Jadual 1, seramai 18.3% guru lelaki terlibat dalam kajian ini manakala 81.7% adalah guru perempuan. Daripada 169 responden, 62.8% berkelulusan ijazah manakala 37.2% berkelulusan diploma. Seramai 44.2% guru berkhidmat kurang daripada 15 tahun dan 55.7% telah berkhidmat sebagai guru lebih daripada 15 tahun. Penglibatan guru akademik paling ramai iaitu seramai 57.4% dalam kajian ini, diikuti oleh ketua panitia 27.2%, guru PSS 4.1%, guru kaunseling 3.6% manakala setiausaha panitia 7.7%

Jadual 1: Analisis Deskriptif Demografi Responden

Demografi	N	%
Jantina	169	
Lelaki		18.3
Perempuan		81.7
Kelulusan	169	
Ijazah		62.8
Diploma		37.2
Tempoh Perkhidmatan	169	
Kurang dari 15 tahun		44.2
15 tahun ke atas		55.7
Jawatan di sekolah	169	
Ketua Panitia		27.2
Setiausaha Panitia		7.7
Guru Kaunseling		3.6
Guru PSS		4.1
Guru Akademik		57.4

Jadual 2 menunjukkan persepsi guru secara keseluruhan mengenai kompetensi kemahiran dalam pengurusan kewangan sekolah dalam empat aspek iaitu PCG, PWR, pembelian dan pengurusan barang / aset sekolah ( min = 2.88 , sp 0.83) Min disusun mengikut tertib menurun. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap kompetensi guru dalam aspek yang dikaji adalah rendah, dimana PCG ( min = 2.87, sp 0.84) diikuti PWR ( min=2.68, sp 0.84), pembelian barang / aset ( min = 2.96, sp 0.81) dan pengurusan baranag / aset (min = 2.99 , sp 0.81)

Jadual 2 : Min dan Sisihan Piawai Kompetensi Guru Dalam Pengurusan Kewangan Sekolah

Kompetensi Kemahiran	Min	sp	Tahap
Peruntukkan PCG	2.87	0.84	Rendah
Panjar Wang Runcit	2.68	0.84	Rendah
Pembelian Barang / Aset	2.96	0.81	Rendah
Pengurusan Barang / Aset	2.99	0.81	Rendah
<b>Keseluruhan</b>	<b>2.88</b>	<b>0.83</b>	Rendah

### Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan kompetensi guru dalam aspek PCG,PWR ,pembelian barang/aset,pengurusan barang / aset adalah rendah.Secara keseluruhan (min = 2.88, SP= 0.83) . Ini bermakna guru kurang mahir dalam pengurusan kewangan sekolah.Guru tidak maklum mengenai kepentingan mengetahui peruntukan PCG dan PWR untuk digunakan bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran murid. Guru juga tidak maklum tentang hak mereka dalam penggunaan PWR. Ada dikalangan guru tidak mengetahui jumlah sebenar perbelanjaan yang dibenarkan menggunakan PWR dan tatacara penggunaan PWR. Dapatan menunjukkan 71.6% guru mendapatkan maklumat mengenai PCG,PWR ,pembelian dan pengurusan aset melalui pihak pentadbir.Loo( 1999) dalam Shahril @Charil Marzuki (2008) menyatakan guru-guru juga perlu diingatkan supaya mengikut prosedur yang ditetapkan oleh kementerian terutama menggunakan peruntukan wang kerajaan.

Dapatan dalam aspek pembelian dan pengurusan barang / aset juga menunjukkan kompetensi guru adalah rendah.Guru kurang kompetensi dalam pembelian barang / aset sekolah yang bertepatan. Terdapat guru yang tidak mengetahui cara pembelian barang yang dibenarkan

dan tidak mengetahui prosedur kewangan mengikut tatacara yang betul semasa membeli barang /aset sehingga menyebabkan timbulnya masalah dalam pengurusan kewangan sekolah. Kurangnya kompetensi dalam pembelian dan pengurusan barang / aset ini akan menyebabkan berlakunya pembaziran dalam perbelanjaan . Peruntukan yang ada sepatutnya digunakan sebaik mungkin untuk memberi faedah yang optimum kepada murid. Menurut Shahril Marzuki ( 2008) pengetua atau guru besar perlu mengelakkan pembelian berdasarkan keputusan yang tergesa-gesa dan tanpa penilaian kerana ini mewujudkan pembaziran dan pembelian tidak tepat. Loo ( 1999) dalam Shahril Marzuki ( 2008) menyatakan kecuaiannya guru kerana membuat pembelian sesuka hati tanpa memeriksa baki peruntukan yang ada menyebabkan berlakunya kekurangan pada peruntukan dalam kewangan sekolah.

Pengurusan kewangan sesebuah sekolah perlu melibatkan penggunaan kewangan secara optimum supaya organisasi dapat mencapai objektif serta perancangan yang telah ditetapkan ( Noridah, 2003). Guru –guru yang mempunyai kompetensi dalam pengurusan kewangan sekolah akan memainkan peranan mereka untuk membantu pihak sekolah dalam proses mengurus kewangan sekolah dengan cemerlang. Pengkaji mencadangkan agar kajian ini diteruskan di kalangan guru besar sekolah kebangsaan . Kajian ini adalah perlu memandangkan guru besar perlu mempunyai kompetensi untuk menguruskan kewangan sekolah. Menurut Mohamed Mahmood (1997) jika pengetua / guru besar tidak dapat mengurus kewangan sekolah secara berkesan ,maka segala urusan kewangan sekolah diserahkan sepenuhnya kepada kerani sekolah ataupun guru perakaunan yang dilantik bagi memeriksa akaun sekolah. Oleh itu guru besar harus bersedia terlebih dahulu untuk mengurus kewangan sekolah agar keberkesanan proses pengurusan kewangan dapat dilaksanakan secara menyeluruh mengikut tatacara pengurusan kewangan sekolah dari peringkat atasan sehingga bawahan. Menurut Shahril Marzuki (2005) masalah pengurusan kewangan yang kurang cekap dan mahir dapat diselesaikan dengan mewajibkan guru besar, pengetua ataupun pegawai kerani (terutamanya yang baru dilantik menghadiri kursus pengurusan kewangan sekolah yang dikendalikan pihak IAB, JPN ataupun KPM . Masalah kewangan sekolah yang dilaporkan oleh audit adalah disebabkan oleh guru besar gagal mengurus kewangan sekolah dengan baik. Kajian yang dicadangkan merangkumi apakah kelayakan dan latihan dalam pengurusan kewangan sekolah yang diperlukan oleh guru besar untuk memastikan guru besar kompeten untuk mengurus kewangan sekolah. Adakah latihan mengenai pengurusan kewangan sekolah perlu dihadiri sekali dalam tempoh perkhidmatan atau latihan perlu dihadiri dari semasa ke semasa bagi memastikan input terkini diperolehi. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (1997) adalah menjadi tanggungjawab kepada pengetua/ guru besar yang diberi kuasa untuk memahami dan memenuhi peraturan kewangan 1957 dan surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan.

### **Kesimpulan**

Kajian ini dijalankan bagi mengetahui kompetensi guru dalam pengurusan kewangan sekolah dalam empat aspek utama yang dikaji . Pada dasarnya setelah menganalisis soal-selidik 169 responden , dapatan ini menunjukkan tahap kompetensi dalam pengurusan kewangan sekolah adalah rendah dan tindakan yang bersesuaian perlu diambil untuk meningkatkan kompetensi guru dalam pengurusan kewangan sekolah. Tindakan wajar ini akan dapat membantu pihak pengurusan sekolah melicinkan lagi pengurusan kewangan sekolah dan peruntukkan wang kerajaan untuk murid dapat diurus sebaik mungkin.

### **Rujukan**

- Abu Marwan (2010). Pengurusan sumber manusia berteraskan kompetensi .  
<http://abumarwan-renunganfakir.blogspot.com/2010/07/pengurusan-sumber-manus>  
 Grubb, W. N., Huerta, L. A., & Goe, L. (2006). Straw into gold, revenues into results: Spinning out the implications of the improved school finance. *Journal of Education Finance*, 31(4), 334-359  
 Jabatan Audit Negara Malaysia (2008). *Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara* ,Kuala Lumpur

- Kumaran AL Damotharan (2008). Persepsi Guru Terhadap Kecukupan Sumber Kewangan Sekolah Dan Tahap Pengurusan Kewangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. UPM :Serdang
- Mohamed A'sdi b Mohamed (2006) . Etika Pengetua dalam Pengurusan Kewangan Sekolah : Satu Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Daerah Hulu Perak ,Universiti Malaya
- Noridah Ab.Rahim (2003). Amalan pengurusan kewangan pengetua-pengetua sekolah menengah negeri Melaka. Tesis sarjana pendidikan Universiti Putra Malaysia, Selangor
- Rosnani Jusoh (2005). Pengurusan Personel Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur : Utusan Publication Sdn Bhd
- Shahril@Charil Marzuki (2008), Dasar Kewangan Pendidikan , Kuala Lumpur :PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPK) Bil .9 (2004) Putrajaya:Kementerian Kewangan Malaysia.
- Hj Ambrin b Buang (2005).Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah,Kementerian Pelajaran Malaysia:Putrajaya